From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: CEDI PACU DUA PASUKAN USAHAWAN PELAJAR UUM TEMBUSI 'TOP 30' JAGUH KEUSAHAWANAN NASIONAL 2026
Date: Friday, 18 September, 2026 6:04:47 PM
Attachments: image001.png
image009.png

18 SEPTEMBER 2026 / 6 RABIULAKHIR 1448H
==========

Oleh: Akmal Ahlami Md Rozai
Gambar oleh: CEDI

CEDI PACU DUA PASUKAN USAHAWAN PELAJAR UUM TEMBUSI 'TOP 30' JAGUH KEUSAHAWANAN NASIONAL 2026



UUM OLINE: Dua pasukan usahawan pelajar Universiti Utara Malaysia (UUM), TEKOCAY dan BIOLITE 500 mencipta kejayaan membanggakan apabila berjaya terpilih dalam kelompok 'Top 30' Jaguh Keusahawanan Nasional 2026 daripada keseluruhan 768 projek inovasi yang menyertai Fasa 1 program tersebut di seluruh negara.

Kejayaan ini merupakan hasil penyertaan dalam Program Jaguh Keusahawanan Nasional 2026 Zon Utara yang dianjurkan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (KUSKOP) dengan kerjasama Sekretariat PROTÉGÉ, KUSKOP melalui Institut Keusahawanan Negara Berhad (INSKEN) serta Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI), UUM, yang telah berlangsung pada 21 hingga 22 April 2026 bertempat di Kampus UUM Sintok.

Pasukan BIOLITE 500 yang dianggotai oleh Nuralifa Balqis Abdullah, Rabiatul Adawiyah Mohd Faizal, Esther Chew Jia Xuan dan Nur Hazirah Aqilah Abdul Halim berjaya terpilih dalam Sektor Biru (Blue Economy) – IPT, manakala pasukan TEKOCAY yang terdiri daripada Ikhsan Mustaqeem Izman dan Nur Ellesya Abdullah Sani pula terpilih dalam Sektor Jingga (Orange Economy) – IPT.

Pemilihan kedua-dua pasukan ini memperlihatkan potensi pelajar UUM dalam mengetengahkan idea inovasi yang mempunyai nilai komersial serta berpotensi dikembangkan dalam sektor strategik negara.



Penyertaan dalam Sektor Biru dan Sektor Jingga turut memberikan ruang kepada peserta untuk meneroka peluang keusahawanan yang berasaskan penyelesaian kepada keperluan industri, inovasi, kreativiti dan potensi pasaran.

Pada Fasa 1, seramai 250 pelajar daripada institusi pengajian tinggi awam dan swasta serta institusi TVET Zon Utara telah menyertai program yang turut melibatkan UUM, Universiti Malaysia Perlis (UniMAP), Universiti Teknologi MARA (UiTM), politeknik, kolej komuniti, GiatMARA, Institut Kemahiran Belia Negara (IKBN) dan ADTEC-JTM.

Sepanjang dua hari pelaksanaan, peserta melalui pelbagai pengisian pembangunan keusahawanan termasuk sesi penjanaan dan pemurnian idea, bootcamp intensif, bimbingan pembangunan model perniagaan, *speed mentoring* serta pertandingan pitching. Program turut disokong oleh seramai 12 jurulatih pakar perniagaan yang dibawa oleh Sekretariat PROTÉGÉ, KUSKOP melalui INSKEN bagi memberikan bimbingan dan pandangan profesional kepada peserta.

Pendekatan pembangunan yang berstruktur tersebut memberi peluang kepada peserta untuk menguji dan memperhalusi idea masing-masing berdasarkan keperluan pasaran, daya maju komersial serta kebolehlaksanaan projek sebelum dipertandingkan di hadapan panel penilai. Proses ini secara tidak langsung membantu peserta meningkatkan keyakinan, kemahiran pembentangan serta keupayaan menterjemahkan idea kepada model perniagaan yang lebih jelas dan berpotensi.



Kejayaan TEKOCAY dan BIOLITE 500 seterusnya melayakkan kedua-dua pasukan meneruskan cabaran ke Fasa 2: Kem Pecutan Inovasi Nasional yang dijadualkan berlangsung pada 22 hingga 24 September 2026 di Youth City, Nilai, Negeri Sembilan. Pada fasa ini, peserta akan melalui proses pecutan dan pemantapan projek secara lebih intensif yang merangkumi pemantapan idea dan model perniagaan, pembangunan serta penambahbaikan prototaip, validasi pasaran, bimbingan bersama barisan coach serta sesi pitching dan penilaian panel juri.

Fasa 2 dijangka menjadi platform penting kepada kedua-dua pasukan untuk memperkukuhkan lagi potensi projek masing-masing sebelum berdepan dengan persaingan di peringkat nasional. Pengalaman dan bimbingan yang diperoleh sepanjang fasa ini juga diharap dapat membantu peserta bergerak daripada sekadar mempunyai idea kepada pembangunan penyelesaian yang lebih bersedia untuk pasaran dan pengkomersialan.

Pihak pengurusan UUM merakamkan setinggi-tinggi tahniah kepada pasukan TEKOCAY dan BIOLITE 500 atas pencapaian tersebut serta berharap kejayaan ini dapat menjadi pemangkin kepada lebih ramai pelajar UUM untuk menceburi bidang keusahawanan dan berani mengetengahkan idea inovatif yang mampu memberikan nilai kepada masyarakat dan industri.

Pengarah CEDI, Dr. Juhaida Abu Bakar menzahirkan rasa bangga atas pencapaian kedua-dua pasukan dan menyifatkan kejayaan tersebut sebagai hasil daripada kesungguhan peserta serta sokongan ekosistem keusahawanan yang dibangunkan secara berterusan oleh CEDI bersama rakan strategik.

“Kejayaan TEKOCAY dan BIOLITE 500 membuktikan bahawa mahasiswa UUM mempunyai idea, kreativiti dan potensi untuk bersaing di peringkat nasional.



“CEDI akan terus memberikan sokongan dan bimbingan kepada para usahawan pelajar supaya mereka bukan sahaja mampu menghasilkan idea yang inovatif, tetapi turut berupaya membangunkan perniagaan yang berdaya maju, mampan dan mempunyai potensi untuk dikomersialkan,” katanya.

Beliau turut berharap agar penyertaan kedua-dua pasukan di Fasa 2 dapat dimanfaatkan sepenuhnya bagi memperkukuhkan model perniagaan, mendapatkan maklum balas daripada pakar industri serta meningkatkan kesiapsiagaan projek untuk dibawa ke peringkat yang lebih tinggi.

Pencapaian ini mencerminkan komitmen berterusan CEDI dalam memperkasa ekosistem keusahawanan UUM melalui kerjasama strategik bersama agensi kerajaan, industri dan rakan ekosistem, selaras dengan aspirasi universiti untuk melahirkan graduan yang bukan sahaja mempunyai kecemerlangan akademik, malah berupaya mencipta peluang, membangunkan penyelesaian inovatif dan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara.

Tahniah TEKOCAY dan BIOLITE 500! Semoga terus cemerlang membawa nama UUM ke pentas nasional dan seterusnya membuktikan keupayaan mahasiswa sebagai jaguh usahawan masa hadapan negara.

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.